

Headline	Impian beli kereta untuk pusat tahfiz tercapai		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	17 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	18	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	189 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,329
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,987



## Impian beli kereta untuk pusat tahfiz tercapai

**Kuala Lumpur:** Seorang pendakwah bersyukur apabila keinginan untuk membeli kereta untuk kegunaan pusat tahfiz miliknya akhirnya tertunai apabila menerima Proton Preve (1.6 CVT Executive) sebaik dinobatkan johan qari Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan kali ke-57, Mei lalu.

Ahmad Tirmizi Ali, 29, dan qariah Hanimzah Jalaluddin, 32, dinobatkan sebagai johan dalam pertandingan itu, sekali gus menerima sebuah Proton Preve sumbangan Tabung Haji dan wang tunai RM30,000, piala pusingan dan iringan, sijil penyerahan serta pakej ibadat haji.

Katanya, Pusat Pengajian al-Quran Tirmizi di Bukit Jelutong, Selangor itu kini mempunyai lebih 200 murid dan kereta itu adalah hadiah terbaik supaya dapat dimanfaatkan untuk kegunaan dalam pengajian Islam.

"Sudah menjadi hasrat saya untuk memiliki sebuah kereta sebagai pengangkutan membawa anak murid belajar al-Quran ke merata tempat.

"Alhamdulillah, saya di-

murahkan rezeki dan menerima penghargaan ini walaupun niat saya memasuki pertandingan hanyalah ingin memartabatkan syiar Islam dan al-Quran," katanya ketika ditemui selepas Majlis Penyerahan Proton Preve kepada johan Tilawah al-Quran oleh Pengerusi Tabung Haji Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim di Bangunan Lembaga Tabung Haji, di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji Tan Sri Ismee Ismail.

Menurutnya, lebih istimewa walaupun pernah gagal dalam tiga percubaan sebelum ia akhirnya membuahkan hasil kerana perancangan Allah SWT adalah yang terbaik untuk dirinya.

"Ternyata, kesabaran saya selama ini berbaloi apabila ditakdirkan saya menerima gelaran johan kali ini.

"Tiada apa-apa petua sebaliknya sentiasa berusaha dan memperbaiki setiap kelemahan selain tawakal kepada Allah SWT walaupun saya tidak menyangka terpilih sebagai johan," katanya.

Headline	Impian beli kereta untuk pusat tahfiz tercapai		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	17 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	18	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	189 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,329
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,987



**AHMAD Tirmizi (dua dari kiri) dan Hanimzah menerima kenderaan kemenangan mereka dari Abdul Azeez (kanan) dan Ismee.**